

## **DASAR PRIVASI**

### **Berkenaan Dasar Privasi Ini**

Dasar Privasi ini menerangkan kepada anda dasar dan amalan berkenaan data privasi PAC LEASE BERHAD (selanjutnya disebut sebagai “Pac Lease” atau “Syarikat”) yang berkenaan dengan anda, sebelum anda mendedahkan data peribadi anda kepada Pac Lease.

Dalam Dasar Privasi ini, kami akan memaklumkan kepada anda:

- sumber data peribadi anda;
- data peribadi yang dikumpul;
- tujuan data peribadi anda digunakan oleh Pac Lease;
- kelas individu yang data peribadi anda mungkin didedahkan;
- hak anda ke atas data peribadi anda;
- tempoh dan tempat Pac Lease akan menyimpan data peribadi anda; dan
- Cara menghubungi Pac Lease.

#### **1. Sumber data peribadi anda**

Kami mengumpul kebanyakan data peribadi anda terus daripada anda, sebagai contoh, apabila anda memohon kemudahan pajakan/sewa beli dari Pac Lease atau semasa anda memohon jawatan kosong dengan Pac Lease, anda akan mendedahkan data privasi anda semasa mengisi borang permohonan. Kami juga boleh mengesahai atau memperolehi sumber maklumat peribadi anda dari sumber pihak ketiga (awam dan swasta) seperti agensi laporan kredit, Suruhanjaya Syarikat dan Jabatan Insolvensi. Bagi sumber gambar/foto, ia berasal dari sama ada anda ataupun ditangkap oleh Pac Lease. Jika sebarang gambar/foto ditangkap oleh Pac Lease, maka gambar/foto tersebut serta mana-mana produk pengeluarannya dalam apa-apa bentuk adalah hak milik Pac Lease dan anda tidak mempunyai apa-apa hak ke atas gambar/foto serta sebarang produk ciptaan yang menggunakan gambar/foto tersebut dalam apa-apa bentuk.

#### **2. Data peribadi yang dikumpul**

Data peribadi yang dikumpul dan diproses oleh Pac Lease termasuk tetapi tidak terhad kepada:

- nama anda;
- no. kad pengenalan / no. pasport;
- alamat rumah dan alamat perniagaan/syarikat;
- no. telefon;
- alamat emel;
- jumlah gaji/pendapatan serta maklumat kewangan/kredit;
- maklumat pekerjaan atau perniagaan atau amalan profesional anda;
- maklumat pemilikan harta tanah atau harta lain-lain;
- gambar/foto;
- kelayakan, sejarah pekerjaan, pengetahuan, pengalaman & kepakaran anda;
- maklumat kesihatan dan perubatan (termasuk sejarah Kesihatan dan perubatan ahli keluarga berdekatan anda) untuk tawaran produk insuran;
- data peribadi sensitif lain-lain\*\*; dan
- produk-produk berkaitan dan/atau perkhidmatan-perkhidmatan yang ditawarkan kepada anda.

*\*\*Data peribadi sensitif, seperti yang ditakrifkan oleh undang-undang, adalah apa-apa data peribadi yang terdiri daripada maklumat berkenaan kesihatan fizikal atau mental atau keadaannya, pendapat politik, biometri, kepercayaan agama atau kepercayaan lain berbentuk*

serupa dan rekod kesalahan atau kedakwaan atas mana-mana undang-undang. Jika data peribadi sensitif dikumpul, tujuan pengumpulan data akan diterangkan kepada anda.

- Pac Lease juga boleh mengumpul data peribadi pihak yang berhubung dengan anda seperti pengarah, pemegang saham, pemilik benefisiari, pengurus, atau wakil yang diberi kuasa oleh anda untuk mana-mana tujuan yang dinyatakan di atas;
- Apabila anda menyertai mana-mana acara yang dianjurkan, disertai penganjuran, ditaja atau bersekutu dengan Pac Lease, gambar anda mungkin akan diambil semasa perjalanan acara tersebut. Gambar/foto tersebut dan/atau sebarang salinan dalam apa-apa bentuk adalah hak milik Pac Lease dan anda tidak mempunyai hak tuntutan ke atas harta tersebut;
- Data peribadi yang dikumpul oleh Pac Lease termasuk yang diisi oleh anda di laman web korporat kami, iaitu, [www.paclease.com.my](http://www.paclease.com.my);
- Pac Lease juga boleh mengumpul atau mengesah data peribadi anda daripada pihak ketiga dan sumber awam. Contoh sumber pihak ketiga di mana Pac Lease mungkin mengumpul atau mengesah data peribadi anda adalah:
  - majikan semasa atau bekas majikan anda berkenaan dengan gaji/pendapatan anda;
  - biro atau agensi kredit yang menyediakan maklumat kredit atau maklumat lain; dan
  - badan awam dan kerajaan seperti Suruhanjaya Syarikat Malaysia, Jabatan Pendaftaran Negara, Ketua Pengarah Insolvensi, Pendaftar Perniagaan, pejabat tanah dan sebagainya.

### **3. Tujuan Pac Lease menggunakan data peribadi anda**

Pac Lease mengumpul, memproses dan menyimpan data peribadi anda di sini untuk tujuan (selepas ini disebut sebagai “Tujuan-tujuan”) yang merangkumi:

- memproses permohonan kemudahan pembiayaan;
- cadangan penjamin atau cagaran pinjaman;
- membayar dan mengekalkan operasi akaun pinjaman anda;
- perkhidmatan insurans yang berkaitan dengan akaun pinjaman syarikat dan/atau prinsipal;
- pemprosesan, meluluskan, pembayaran, dan penyenggaraan operasi akaun pinjaman anda;
- sebarang perkhidmatan insurans berkaitan dengan akaun pinjaman dengan Pac Lease dan/atau prinsipalnya;
- pematuhan undang-undang atau pengawalseliaan di dalam dan luar Malaysia;
- pemprosesan dan penilaian pemohonan jawatan kosong;
- bagi gambar/foto serta sebarang produk ciptaan yang menggunakan gambar/foto tersebut dalam apa-apa bentuk, ia boleh dipaparkan atau diterbitkan di halaman web rasmi atau halaman media sosial Pac Lease seperti Facebook, LinkedIn, Instagram dan lain-lain.
- pemasaran lansung oleh Pac Lease dan/atau ejen-ejen, pembekal dan/atau pihak-pihak lain yang berkaitan dengan Pac Lease, melainkan anda telah menyatakan bahawa anda tidak mahu Pac Lease untuk memproses data peribadi anda untuk tujuan pemasaran langsung;
- pelantikan pembekal perkhidmatan pihak ketiga;
- pertunangan dengan penjual, pembekal, kontraktor;
- pemohonan tajaran/derma;
- program rujukan;
- semak kredit/perdagangan;
- rakan sekutu perniagaan atau rakan kongsi; atau
- acara atau urusan perniagaan yang lain-lain.

### **4. Kelas Individu Yang Data Peribadi Anda Mungkin Didedahkan**

Data peribadi anda yang dipegang oleh Pac Lease akan disimpan secara sulit tetapi Pac Lease mungkin perlu mendedahkan butiran peribadi anda kepada:

- agensi pengawal seliaan
- pihak berkuasa perlesenan
- penguatkuasa undang-undang dan mahkamah
- syarikat-syarikat atau entiti-entiti di dalam Kumpulan\*\*
- juru audit
- rakan perniagaan
- agensi pelaporan kredit
- pembekal perkhidmatan
- pihak ketiga lain, atas permintaan anda, sekiranya perlaksanaan teknikal dan format data mengizinkan.

untuk sebarang Tujuan-tujuan yang disebut di atas atau bagi tujuan lain yang mana data peribadi anda hendaklah didedahkan sewaktu pengumpulannya atau untuk tujuan lain yang berkenaan secara lansung dengan sebarang Tujuan-tujuan di atas.

*\*\*Definisi "Kumpulan" bermaksud Pac Lease Berhad dan/atau syarikat induknya, anak-anak syarikatnya dan syarikat-syarikat berkaitan dan bersekutu.*

Bagi gambar/foto serta sebarang produk ciptaan yang menggunakan gambar/foto tersebut dalam apa-apa bentuk, Pac Lease berhak untuk memaparkannya atau menerbitkannya di halaman web rasmi atau halaman media sosial Pac Lease seperti Facebook, LinkedIn, Instagram dan lain-lain. Sekiranya gambar/foto tersebut serta sebarang produk ciptaan yang menggunakan gambar/foto tersebut dalam apa-apa bentuk diterbit/dipapar, maka ia terdedah kepada orang awam yang melanggani atau mengikuti halaman-halaman web rasmi atau media sosial Pac Lease.

Data peribadi anda mungkin dihantar ke, disimpan di dan/atau diproses di lokasi-lokasi di luar Malaysia, dengan syarat lokasi tersebut ditadbir di bawah undang-undang dan peraturan yang serupa Malaysia dan tahap perlindungan pemprosesan data peribadi adalah sekurang-kurangnya setara dengan tahap perlindungan di bawah undang-undang Malaysia.

## **5. Hak Anda Ke Atas Data Peribadi Anda**

Pendedahan data peribadi anda untuk Tujuan-Tujuan yang disenaraikan dalam item 3 di atas adalah secara sukarela dan pilihan anda. Walaubagaimanapun, kegagalan untuk mendedahkan data peribadi anda dan sebarang limitasi atau sekatan yang ditetapkan untuk memproses data peribadi anda mungkin menyebabkan Syarikat tidak dapat (a) memproses, memenuhi atau menyelesaikan permohonan atau permintaan anda bagi apa-apa tujuan yang mewajibkan pendedahan data peribadi anda.

Pac Lease ingin memastikan bahawa anda menyedari sepenuhya hak perlindungan data anda. Anda mempunyai hak-hak berikut:

Hak untuk mengakses – Anda berhak untuk meminta salinan data peribadi anda. Kami boleh mengenakan bayaran/cajatas perkhidmatan ini.

Hak untuk pembetulan – Anda berhak meminta Pac Lease memperbetulkan sebarang maklumat yang anda percaya tidak tepat. Anda juga mempunyai hak meminta Pac Lease untuk melengkapkan maklumat yang anda percaya tidak lengkap.

Hak untuk memadam – Anda berhak meminta Pac Lease untuk memadamkan data peribadi anda, tertakluk kepada syarat-syarat tertentu.

Hak untuk menyekat pemprosesan – Anda berhak meminta Pac Lease untuk menyekat pemprosesan data peribadi anda, tertakluk kepada syarat-syarat tertentu.

Hak untuk membantah pemprosesan – Anda berhak membantah pemprosesan data peribadi anda, tertakluk kepada syarat-syarat tertentu.

Hak untuk memindah – Anda berhak meminta Pac Lease untuk memindah data anda yang telah kami kumpulkan kepada anda, tertakluk kepada syarat-syarat tertentu atau kepada pihak lain, atas permintaan anda, sekiranya perlaksanaan teknikal mengizinkan dan format data serasi.

Sekiranya anda ingin menjalani mana-mana hak anda, anda dikehendaki supaya memohon secara bertulis dan kami akan membalas anda secepat mungkin.

## **6. Tempoh dan Tempat Pac Lease Akan Menyimpan Data Peribadi Anda**

Pac Lease akan menyimpan data peribadi anda bagi tempoh masa untuk menjalankan tujuan yang mana data peribadi anda dikumpulkan dan juga untuk tujuan lain yang dinyatakan dalam Dasar Privasi ini, termasuk untuk mengendalikan pertanyaan, audit, aduan atau prosiding undang-undang dan memperkenalkan produk atau perkhidmatan yang dijual atau diedarkan oleh Pac Lease. Kami juga akan mematuhi peraturan undang-undang, cukai dan keperluan / garis panduan pihak berkuasa dan industri untuk menyimpan rekod termasuk pengekalan polisi rekod.

Data anda akan disimpan dalam bentuk e-mel, laporan, surat atau dalam apa-apa bentuk dokumen/format lain. Pac Lease akan menyimpan data peribadi anda dalam bentuk salinan fizikal (cetak) atau digital (tidak bercetak) dalam pelayan kami selepas data anda dipindah dari pangkalan data laman web atau pelayan awan (cloud server) kami.

## **7. Cara Menghubungi Kami**

Anda berhak memohon akses kepada dan untuk memohon pembetulan ke atas data peribadi dengan mengemukakan permohonan dan memberikan notis awal bertulis sekurang-kurangnya tujuh (7) hari bekerja kepada Syarikat dan memberikan butiran yang dikehendaki yang ditandakan dengan asterisk (\*) pada perkara berikut:

Alamat surat-menjurat:	Pac Lease Berhad Level 17, Menara Great Eastern 2, 50, Jalan Ampang, 50450 Kuala Lumpur.  Kepada: Pengawai Perlindungan Data (Policy, Compliance & Operation Risk Department)
No. Telefon:	03 - 2035 1000
No. Faks:	03 - 2032 3300
Alamat emel:	<a href="mailto:pdp@paclease.com.my">pdp@paclease.com.my</a>
Butiran Yang Dikehendaki:	* Nama * Alamat * Nombor Telefon * No. Perjanjian * Butiran data peribadi yang ingin diakses atau dibetulkan atau dipindahkan

	*Butiran pihak yang anda ingin memindahkan data peribadi kepada (nama, butiran perhubungan dan sebagainya) * Alamat emel (tidak diwajibkan)
--	--

- i. Pac Lease berhak untuk menolak permohonan anda jika permohonan adalah tidak lengkap
- ii. Jika Syarikat menolak permohonan anda, kami akan memaklumkan penolakan pemohonan serta alasan penolakan kepada anda melalui notis bertulis.

#### **8. Perubahan kepada Dasar Privasi ini**

Perubahan atas Dasar Privasi ini mungkin dilakukan dari semasa ke semasa. Kami akan sentiasa menyiaran Dasar Privasi terbaru di laman web rasmi Pac Lease. Sila lawati semula Dasar Privasi ini dari semasa ke semasa untuk mengambil maklum terhadap sebarang perubahan.